

# AGAMA DAN BUDAYA TERAS MASYARAKAT MADANI

oleh  
Prof. Dato' Dr. Osman Bakar

## Abstract

*This paper discusses al-Farabi's concept of civil society and two fundamental ideas that are closely related to it, namely the idea of man as a "political animal" and the importance of the science of civilisation. The paper also deals with al-Farabi's philosophy of happiness and explains why religion must serve as the foundation of a civil society.*

## Konsep Masyarakat Madani

Persoalan pokok yang ingin dikupas oleh penulis dalam kertas ini ialah kedudukan dan peranan agama dan budaya sebagai teras *masyarakat madani*. Tetapi sebelum kedudukan dan peranan agama ini dibincangkan, adalah wajar terlebih dahulu diterangkan makna "masyarakat madani". Ini kerana hanya setelah kita betul-betul mengerti tentang konsep masyarakat madani, barulah kita benar-benar dapat menghargai mengapa agama harus berperanan sebagai asas dan teras masyarakat madani.

Beberapa orang ahli fikir Islam zaman silam telah mengetengahkan teori ilmiah masyarakat madani yang agak luas dan komprehensif dari segi cakupan perbincangannya. Yang paling terkemuka di antara mereka ialah al-Farabi (870-950), Ibn Miskawayh (936-1030) dan Ibn Khaldun (1332-1406). Tidak syak lagi bahawa tokoh-tokoh ini telah berjaya membincangkan konsep masyarakat madani pada tahap yang jauh lebih maju dan tinggi daripada apa yang pernah dilakukan oleh mana-mana pemikir Timur dan Barat sebelumnya termasuk Plato dan Aristotle.

Al-Farabi yang pada umumnya diiktiraf oleh para sarjana pemikiran Islam sebagai pengasas falsafah politik dalam tamadun Islam juga boleh dianggap sebagai pengasas teori masyarakat madani bukan sahaja dalam konteks sejarah Islam tetapi juga dalam konteks sejarah dunia pada amnya. Istilah *madani* dan juga istilah *madaniyyah* banyak kali terdapat di dalam tulisan-tulisannya,

khususnya dalam karya-karya politik beliau. Kedua-dua istilah ini digunakan olehnya dalam berbagai-bagai konteks.

Sebagai contoh, dalam buku masyhurnya yang berjudul *Katalog Ilmu (Ihsa' al-'ulum)*, al-Farabi menggunakan perkataan *madani* untuk merujuk kepada salah satu cabang ilmu falsafah amali: Istilah Arab yang dipakainya ialah *al-'ilm al-madani*<sup>1</sup> yang lazimnya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan istilah *political science*. Dalam kata lain, perkataan *madani* telah diterjemahkan dengan perkataan *politik*. Terjemahan ini kurang tepat dan boleh mengelirukan kerana ada satu lagi istilah yang juga diterjemahkan dengan *politik*, iaitu *siyasah* yang sering dipakai dan dibincangkan oleh al-Farabi bersama-sama dengan konsep *madani* atau *madaniyyah*.

Kita boleh menterjemahkan *madani* dengan *politik* asalkan sahaja kita memahami perkataan *politik* itu dalam pengertian asalnya yang luas seperti yang difahami oleh mereka yang mula-mula menggunakan istilah itu dan yang turut menghuraikan maknanya, iaitu Plato dan Aristotle apabila mereka merujuk kepada istilah-istilah *politica*, *politikon* dan *politicus* yang daripadanya terbit perkataan-perkataan Inggeris *politics*, *political* dan *politician*. Misalnya, Aristotle pernah berkata bahawa “manusia adalah *politikon zoon* dari segi tabiinya”.<sup>2</sup> Ertinya, manusia adalah *haiwan politik* menurut pembawaan semula jadinya. Apabila kata-kata hikmah ini hendak diungkap semula oleh al-Farabi dan Ibn Miskawayh di dalam konteks bahasa Arab dan budaya Islam, kedua-dua tokoh ini telah menggunakan ungkapan “manusia dari segi fitrahnya adalah haiwan *madani*”.

Walaupun al-Farabi telah mencipta istilah *madani* untuk menterjemahkan *politikon* Aristotle, tetapi tidak tepat dan tidak sesuai lagi untuk kita menterjemahkan perkataan *madani* balik kepada *politik* kerana pemakaian umum istilah *politik* dewasa ini sudah menirus kepada makna *siyasah*. Lagi pula, al-Farabi membezakan dengan jelas antara *madani* dan *siyasah*. Ilmu *siyasah* atau sains politik hanyalah merupakan salah satu daripada beberapa cabang ilmu *madani*. Selain itu, konsep *madani* seperti yang telah dihuraikan oleh al-Farabi bukan sahaja meliputi himpunan idea yang lebih besar tetapi juga lebih universal sifatnya berbanding dengan idea-idea yang terkandung dalam konsep *politikon* Aristotle.

---

<sup>1</sup>Huraian terperinci tentang kedudukan ilmu *madani* serta sifat dan peranannya dalam tamadun manusia menurut pandangan al-Farabi boleh didapati dalam buku saya *Classification of Knowledge in Islam*. (Kuala Lumpur: Institute for Policy Studies, 1992), khususnya bab 5 dan bab 6.

<sup>2</sup>Lihat Aristotle, *Politics*, Buku I, 1253<sup>a</sup> [2].

Oleh yang demikian, elok sekali jika sekiranya istilah ilmu madani dan istilah haiwan madani dikekalkan sahaja dan terus diterima masuk ke dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu moden.<sup>3</sup> Kalaulah masyarakat kita kini sudah mula menerima penggunaan istilah masyarakat madani, khasnya berkat usaha saudara Anwar Ibrahim untuk mempopularkan istilah itu, maka tidak ada sebabnya mengapa kita tidak boleh menerima pula istilah ilmu madani dan istilah haiwan madani. Apatah lagi jika dimenungkan hakikat bahawa masakan sifat dan ciri-ciri masyarakat madani dapat difahami dan pembangunannya boleh tercapai tanpa melibatkan konsep ilmu madani dan juga konsep haiwan madani.

Tetapi apakah yang al-Farabi maksudkan dengan ilmu madani dan haiwan madani? Berdasarkan tulisan-tulisannya sendiri dan juga tulisan beberapa orang pemikir lain, jelaslah bahawa yang beliau maksudkan dengan ilmu madani ialah ilmu ketamadunan atau ilmu peradaban (*science of civilisation*). Dan yang beliau maksudkan dengan haiwan madani ialah haiwan bertamadun atau haiwan berperadaban (*civilisation-making or civilised animal*).

Menurut al-Farabi, ilmu madani terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama terdiri daripada bidang pengajian tentang pelbagai jenis perlakuan dan cara hidup manusia; tentang naluri dan tabiat manusia serta akhlak dan keadaan jiwanya yang menyebabkannya terdorong ke arah perlakuan dan cara hidup seperti yang diperlihatkannya; tentang tujuan atau matlamat yang hendak dicapai menerusi perlakuan dan cara hidup yang diamalkan; dan tentang bagaimana sesuatu perlakuan dan cara hidup boleh menjadi darah daging manusia.

Bahagian ini turut membicarakan tentang falsafah kebahagiaan kerana dalam pandangan al-Farabi, kalaulah ada suatu konsep tunggal yang menyeluruh yang dapat menerangkan niat dan tujuan manusia melakukan setiap perbuatan yang sengaja dilakukannya, maka konsep itu ialah *kebahagiaan (al-sa'adah)*. Selaras dengan falsafah kebahagiaan ini, maka bahagian pertama ilmu madani membuat pembezaan antara kebahagiaan sejati dan kebahagiaan yang hanya dianggap sebagai kebahagiaan tetapi sebenarnya bukan kebahagiaan. Ilmu ini menerangkan bahawa matlamat akhir kehidupan manusia ialah untuk mencapai kebahagiaan abadi. Tetapi kebahagiaan yang sejati ini hanya akan tercapai sekiranya manusia berjaya memiliki sifat-sifat terpuji menerusi penghayatan nilai-nilai murni dan menerusi perkara-perkara yang baik dan mulia. Perkara-perkara seperti harta kekayaan, darjat dan pangkat, dan keseronokan hawa nafsu seperti keseronokan seks bukan merupakan kebahagiaan sejati tetapi disangka sahaja kebahagiaan seandainya perkara-perkara itu sendiri dijadikan matlamat hidup di dunia dan

---

<sup>3</sup>Istilah *madani* nampaknya tidak terdapat dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.

tidak sebaliknya dijadikan hanya sebagai alat untuk mencapai matlamat hidup yang lebih tinggi.

Bahagian kedua ilmu madani meliputi bidang pengajian tentang perkara-perkara berikut:

1. Cara-cara bagaimana hendak mengatur sistem akhlak dan budipekerti terpuji dan cara-cara hidup yang beretika dan bermoral dalam sesebuah kota atau negara;
2. Peranan dan fungsi institusi politik, khususnya kerajaan atau pemerintah, dalam memastikan wujudnya adab ketertiban kota atau negara;
3. Jenis program dan aktiviti yang dapat menjamin terpeliharanya adab ketertiban kota atau negara yang baik;
4. Jenis-jenis sistem politik (*siyasa*) yang tidak berasaskan nilai-nilai akhlak terpuji, sifat dan ciri-ciri istimewa setiap satunya, peranan dan fungsi yang dimainkannya, dan tabiat-tabiati serta cara-cara hidup yang masing-masing sistem ingin mewujudkan di bawah pemerintahannya.

Jelaslah daripada keterangan-keterangan di atas tentang maudu' dan ruang lingkup ilmu madani bahawa dengan ilmu tersebut al-Farabi sebenarnya merujuk kepada ilmu ketamadunan. Ilmu ini meliputi asas-asas ilmu kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan dan ilmu kenegaraan termasuklah cabang-cabang utama masing-masing seperti antropologi, sosiologi, psikologi, etika, sains politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan ilmu sivik. Pendek kata, ilmu madani menyentuh setiap segi pembangunan tamadun, bukan secara terperinci tetapi dari segi asas atau prinsipnya.

Tentang manusia sebagai haiwan madani, al-Farabi telah menjelaskannya dalam karya beliau yang berjudul *Pencapaian Kebahagiaan (Tahsil al-Sa'adah)*. Menurutnyanya, manusia digelar "haiwan sosial (*al-hayawan al-insiy*) dan haiwan madani (*al-hayawan al-madani*)" kerana pada tabiinya manusia suka bercampur gaul dan menjalin hubungan dengan orang lain dan juga kerana manusia memerlukan masyarakat untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan dirinya.<sup>4</sup> Walaupun manusia mempunyai keinginan semulajadi yang sama untuk bekerjasama dan juga keperluan kebendaan yang sama untuk mendorong mereka bermasyarakat, namun falsafah kerjasama atau falsafah bermasyarakat yang dianuti boleh berbeza-beza di kalangan umat manusia.

---

<sup>4</sup>Lihat *Tahsil al-Sa'adah* dalam *Rasa'il*, (Hyderabad : Dai'rah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah, 1345 Hijriyah), h. 14. Lihat juga Muhsin Mahdi, *Al-Farabi's Philosophy of Plato and Aristotle*, Ithaca, (New York : Cornell University Press, 1969), h. 23.

Maka al-Farabi membezakan antara masyarakat yang para anggotanya bekerjasama untuk mencapai tujuan-tujuan buruk dan jahat dan masyarakat yang para anggotanya bekerjasama untuk mencapai tujuan sebenar manusia dicipta, iaitu kesempurnaan dan kebahagiaan dirinya.<sup>5</sup>

Masyarakat yang dibentuk atas dasar kerjasama untuk mencapai kebahagiaan sejati bagi semua para anggotanya itulah yang layak digelar masyarakat madani atau masyarakat bertamadun dalam ertikata yang sebenar. Dalam masyarakat madani, seseorang anggotanya bekerjasama dengan anggota-anggota lain bukan semata-mata untuk kepentingan dirinya tetapi juga untuk kepentingan bersama. Anggota masyarakat madani yang menghayati semangat tolong menolong dan gotong royong demi mencapai kebaikan bersama digelar *manusia madani*. Ada banyak kebaikan bersama. Tetapi tidak ada kebaikan bersama yang lebih tinggi nilainya daripada kebahagiaan sejati. Manusia madani inginkan kesempurnaan dan kebahagiaan bukan sahaja bagi dirinya, bagi ahli keluarganya tetapi bagi semua manusia.

Banyak kali al-Farabi menggunakan istilah masyarakat madani (*al-ijtima' al-madani*) dalam tulisan-tulisan politiknya. Malahan menurut sumber-sumber tradisi seperti Ibn Abi Usaybi 'ah, al-Farabi dikatakan pernah menulis sebuah monograf berjudul *Buku Mengenai Masyarakat-masyarakat Madani (Kitab fi'l-ijtima'at al-madaniyyah)*. Al-Farabi berpendapat bahawa di kalangan masyarakat-masyarakat yang boleh digelar masyarakat madani, terdapat tahap-tahap "kemadanian" atau ketamadunan. Dalam bukunya yang bertajuk *Fusul al-madani (Aphorisms of the Statesman)*, al-Farabi menegaskan bahawa dalam masyarakat madani pada tahap yang rendah, anggota-anggotanya saling bekerjasama sekadar untuk memperolehi keuntungan peribadi, bantu membantu dari segi kebendaan dan sekadar untuk berdagang dan berniaga. Tetapi dalam masyarakat madani pada tahap yang lebih tinggi, para anggotanya berganding bahu untuk membina tamadun yang luhur, iaitu "untuk mencari dan menegakkan kebenaran, untuk mencapai kebahagiaan, memupuk kecintaan terhadap ilmu dan memakmurkan masyarakat dengan perkara-perkara yang baik dan mulia".<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup>Lihat *Tahsil al-Sa'adah*, h. 16; M. Mahdi, *op.cit.*, h. 24. Penegasan yang lebih jelas terdapat dalam *al-Madinah al-Fadilah (The Virtuous State)*. Lihat Richard Walzer, *Al-Farabi on the Perfect State: A Revised Text With Introduction, Translation and Commentary*, (Oxford: Clarendon Press, 1985), h. 231.

<sup>6</sup>*Fusul al-madani : Aphorisms of the Statesman*, ed., terjemahan Inggeris, mukadimah dan nota oleh D.M. Dunlop, (Cambridge : University of Cambridge, Oriental Publications, 5, 1961), h. 171, 1.2.

Ibn Miskawayh yang hidup sezaman dengan al-Farabi bersependapat bahawa yang dimaksudkan dengan masyarakat madani ialah masyarakat bertamadun. Beliau pernah menggunakan kedua-dua istilah *tamadun* dan *masyarakat madani* secara bertukar ganti.<sup>7</sup> Dalam menerangkan makna *madaniyyah*, beliau berkata istilah itu merujuk kepada keadaan pembandaran dan kemakmuran (*'imarah*) yang dicapai menerusi kerjasama dan keadilan masyarakat dan pemerintah yang sentiasa menjaga kebajikan rakyat.<sup>8</sup>

Maka jelaslah bahawa salah satu ciri umum masyarakat madani ialah terdapatnya kerjasama di kalangan para anggotanya untuk mencapai kebaikan bersama. Tetapi apakah yang dimaksudkan dengan kebaikan bersama ini? Apakah jenis dan bentuk kebaikan yang boleh membawa manusia kepada kebahagiaan? Dalam usahanya untuk menjawab soalan-soalan pokok seperti inilah al-Farabi telah mengemukakan teori kebahagiaan di mana ilmu madani mempunyai kedudukan dan peranan yang penting.

### **Peranan Ilmu Madani Dalam Pembentukan Masyarakat Madani**

Menurut al-Farabi, ilmu madani atau ilmu ketamadunan mempunyai peranan penting dalam pembentukan masyarakat madani. Ini bermakna bahawa seandainya kita ingin membangunkan sebuah masyarakat madani, maka amat mustahak kita berbekalkan ilmu madani sebagai pembimbing asas. Ilmu madani, katanya, adalah "ilmu tentang perkara-perkara yang dengannya para wargakota dan warganegara dapat mencapai kebahagiaan menerusi pembentukan masyarakat madani."<sup>9</sup> Kata-kata al-Farabi ini jelas menunjukkan betapa eratnya hubungan antara ilmu madani, masyarakat madani dan kebahagiaan.

Dengan adanya ilmu madani dapatlah kita memberi jawapan kepada soalan-soalan seperti apakah erti kebaikan bersama, apakah jenis-jenis kebaikan dan apakah martabat masing-masing, apakah yang dimaksudkan dengan kesempurnaan manusia, apakah sifat dan ciri-ciri masyarakat madani, apakah asas-asas pembentukannya dan bolehkah masyarakat madani dibentuk daripada manusia-manusia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan kepercayaan agama. Menerusi konsep ilmu madaninya al-Farabi telah cuba menjawab semua soalan ini. Sebahagian daripada jawapan al-Farabi telah pun saya jelaskan.

---

<sup>7</sup>Ini jelas kelihatan dalam dua buah tulisannya, iaitu *al-Hawamil wa' al-Syawamil* dan *al-Fawz al-asghar*. Lihat Joel L. Kraemer, *Humanism in the Renaissance of Islam*, (Leiden : E.J. Brill, 1986), h. 232.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>*Tahsil al-Sa'adah*, h. 16; M. Mahdi, *op.cit.*, h. 24.

Pada dasarnya, menurut ilmu madani al-Farabi, perkara-perkara kemanusiaan yang dengannya umat manusia dan para wargakota mencapai kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan abadi di akhirat terbahagi kepada empat jenis, iaitu

1. kebaikan akal nazari;
2. kebaikan akal amali;
3. kebaikan akhlak dan moral dan
4. kesenian amali.<sup>10</sup>

Kebaikan akal nazari dan akal amali merujuk kepada akal yang sihat, waras, tajam, kreatif, berpandangan jauh dan sifat-sifat terpuji lain yang patut ada pada akal manusia yang lazimnya dianggap sempurna. Hasil yang terzahir daripada kebaikan dan kesempurnaan akal nazari dan akal amali ini ialah budaya ilmu yang sihat dan maju dengan terdapatnya berbagai-bagai jenis ilmu pengetahuan. Al-Farabi menjadikan kesempurnaan akliah atau intelektual sebagai sebahagian daripada kesempurnaan insan dan sebagai syarat untuk mencapai kebahagiaan. Dalam konteks ini, kita tidak harus lupa bahawa salah satu tujuan dasar syariat Islam ialah untuk memelihara akal manusia supaya sihat dan waras. Kesihatan dan kewarasan akal pula menjadi syarat utama untuk menghayati ajaran agama. Ajaran agama menjamin kewarasan akal dan kewarasan akal menjamin pemeliharaan agama. Demikianlah hubungan dinamis antara agama dan akal dalam masyarakat madani.

Dengan kata lain, kebaikan akal nazari dan akal amali, yakni kebaikan intelektual dan rasional adalah antara kebaikan bersama manusia yang dipandang begitu mulia dan tinggi nilainya dalam masyarakat madani. Konsep kebaikan kedua-dua jenis akal ini juga menunjukkan bahawa idea nilai-nilai murni yang hendak dihayati oleh manusia madani dan sifat-sifat terpuji (*virtues*) yang hendak dimiliki olehnya meliputi nilai-nilai murni akliah atau rasional serta sifat-sifat terpuji intelektual (*intellectual or rational virtues*). Kebaikan akliah dan rasional ini perlu dibezakan dengan kebaikan akhlak dan moral kerana dua jenis kebaikan ini berbeza bukan sahaja dari segi sifat tetapi juga dari segi cara dan kaedah untuk mendapatkannya. Kegagalan membezakan antara dua jenis kebaikan ini sehingga mencampuradukkan nilai-nilai murni rasional dengan nilai-nilai murni akhlak dan moral tanpa menuruti apa-apa sistem adalah salah satu punca ketidakberkesanan pendidikan dan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat dewasa ini.

Salah satu kebaikan akal amali yang disebut olah al-Farabi ialah hikmah politik dan hikmah ekonomi. Pemimpin dan anggota masyarakat madani bijak berpolitik dan berekonomi tetapi sentiasa berpijak atas landasan kebaikan akhlak,

---

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 13.

etika dan moral. Sebagaimana pencapaian budaya saintifik dan ilmu sains dijadikan kayu ukur ketamadunan, demikian juga dengan tahap pencapaian hikmah politik dan hikmah ekonomi. Umat Islam patut merenungi perkara ini kerana suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan ialah betapa miskinnya mereka hari ini dengan hikmah politik dan hikmah ekonomi.

Kebaikan akhlak dan moral pula merujuk kepada sifat-sifat terpuji yang membentuk budipekerti seseorang manusia seperti sifat beramanah dan bertanggungjawab, pemurah dan dermawan, penyayang, pengampun, adil dan saksama, warak, berani dan keperwiraan, tawaduk, sabar, jimat cermat dan banyak lagi sifat kesederhanaan seperti yang digalakkan oleh agama Islam. Manusia madani berusaha menjauhkan dirinya daripada sifat-sifat tercela dan terkeji, iaitu sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat terpuji yang telah dinyatakan, kerana seperti yang ditegaskan oleh al-Farabi itulah sifat-sifat yang akan menghalang dirinya mencapai kebahagiaan sejati.

Kebaikan akhlak dan moral juga meliputi segala perbuatan dan perlakuan baik manusia yang terzahir daripada sifat-sifat terpuji akhlak tadi. Apabila sesebuah masyarakat dianggotai oleh manusia-manusia yang memiliki sifat-sifat terpuji, maka sudah pasti masyarakat itu akan menjadi mewah dengan amalan, perbuatan dan tingkah laku yang baik-baik. Masyarakat itu layak mendapat gelaran masyarakat berakhlak dan bermoral. Dan itulah masyarakat yang boleh dikatakan telah berjaya mencapai pembangunan kemanusiaan (*human development*) dalam ertikata yang sebenar. Itulah sebabnya al-Farabi menegaskan bahawa kebaikan akhlak dan moral merupakan salah satu daripada empat jenis *perkara kemanusiaan* yang semestinya terdapat dalam masyarakat madani.

Kebaikan jenis keempat diberi istilah *kesenian amali*. Al-Farabi memberi contoh-contoh seperti segala bentuk kraf, pertukangan, pertanian dan bidang profesion yang melibatkan kemahiran kesenian. Daripada keterangan tentang makna kesenian amali dan contoh-contoh yang diberi oleh al-Farabi, bolehlah kita simpulkan bahawa kebaikan keempat ini meliputi seluruh bidang teknologi dalam ertikatanya yang luas dan juga sifat kemahiran dan dayacipta yang perlu ada pada manusia yang hendak melahirkan teknologi. Ini bermakna bahawa pencapaian teknologi turut dijadikan ciri masyarakat madani.

Kesimpulannya, perkara-perkara yang baik dan mulia yang patut digalakkan dalam masyarakat madani dan yang menentukan tahap dan kualiti ketamadunan sesebuah masyarakat sudah diliputi oleh keempat-empat jenis kebaikan yang disebutkan oleh al-Farabi.



## **Agama Sebagai Teras Masyarakat Madani**

Berdasarkan ciri-ciri masyarakat madani yang telah dibincangkan walaupun secara ringkas sahaja, maka jelaslah bahawa agama semestinya menjadi teras pembentukannya. Sebab-sebab utamanya adalah seperti berikut: Pertama, ilmu yang paling diperlukan dalam pembentukan masyarakat madani ialah ilmu madani. Sumber utama ilmu madani seperti yang telah dikemukakan oleh al-Farabi adalah ajaran agama. Ajaran wahyulah yang membolehkan al-Farabi mengasaskan ilmu madani yang sedemikian komprehensif dan kukuh. Konsep kebahagiaan yang diutarakannya benar-benar berasaskan ajaran agama. Doa yang diajar oleh Tuhan kepada manusia seperti yang terdapat dalam al-Quran, “Wahai Tuhan kami, kurniakan kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan jauhkan kami daripada api neraka” dijadikan oleh al-Farabi sebagai doa insan madani dengan membuat sedikit penyesuaian, iaitu dengan menggantikan istilah *hasanah* (kebaikan) dengan *sa'adah* (kebahagiaan).

Kedua, manusia madani yang diperlukan untuk membangunkan masyarakat madani tidak dapat dilahirkan tanpa bimbingan dan sumbangan agama. Ciri-ciri keperibadian manusia madani, kepercayaan dan pemikirannya, akhlak dan budipekertinya hanya dapat dibentuk dengan jayanya dalam acuan ajaran agama.

Menurut al-Farabi, masyarakat madani boleh dibentuk bukan sahaja pada peringkat kampung, bandar, kotaraya dan negara tetapi juga pada peringkat dunia atau umat manusia seluruhnya. Pemikir-pemikir Yunani mempunyai kepercayaan bahawa masyarakat madani hanya boleh dibentuk pada peringkat kotaraya. Saya yakin bahawa ajaran Islam sebagai agama universal telah mempengaruhi al-Farabi dalam merumuskan pendapatnya bahawa *al-madinah al-fadilah* (negara terpuji) juga boleh dibentuk pada peringkat masyarakat dunia.

## **Masyarakat Madani dan “Civil Society”**

Sebahagian kita hari ini menggunakan istilah madani sebagai terjemahan istilah “civil society” dalam bahasa Inggeris. Pada asasnya, terjemahan ini boleh diterima. Cuma pada pendapat saya, konsep madani yang dikemukakan oleh pemikir-pemikir Islam klasik adalah lebih luas daripada konsep *civil* dan *civility* yang difahami di dunia Barat moden. Ciri-ciri kesivilan (*civility*) yang positif dalam idea *civil society* memang terkandung dalam konsep *masyarakat madani* al-Farabi, Ibn Miskawayh dan Ibn Khaldun.

Menurut Edward Shils, seorang profesor dalam bidang sosiologi dan pemikiran sosial di Universiti Chicago, “the attitude and ethos that distinguish the politics of a civil society is civility i.e. a solicitude for the interest of the whole society, a concern for the common good. The civil person, when he has to decide

and act in a situation in which there is conflict, thinks primarily of a civil society as the object of his obligations, not of the members of his family, or his village, or his party, or his ethnic group or his social class, or his occupation".<sup>11</sup> Ternyata bahwa ciri utama masyarakat sivil, yaitu kesivilan, dan ciri utama manusia sivil yang dijelaskan oleh Shils ini sudah terkandung dalam konsep masyarakat madani dan konsep manusia madani dalam Islam.

Saya ingin menyimpulkan perbincangan tentang masyarakat madani ini dengan menurunkan rangkap-rangkap pantun yang berikut:

Terang bulan berkat mentari  
Terang hati suluhan rabbani  
Fardi diabaikan, jama' i yang dicari  
Itulah ciri masyarakat madani.

Terbambung langit ibarat kubah samawi  
Terhampar bumi ibarat permaidani  
Kebahagiaan duniawi dan kebahagiaan ukhrawi  
Itulah matlamat insan madani.

---

<sup>11</sup>Lihat Edward Shils, "Civility and Civil Society", dalam Edward C. Banfield, ed., *Civility and Citizenship*, (New York, Paragon House, 1992), h. 1.